

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA SEBUT HARGA MPC

Bil. Mesyuarat :10/2020
Masa: 3.00 petang

Tempat: Bilik Transformation, Blok Inovasi
Tarikh : 14 Oktober 2020 (Rabu)

Kehadiran:

- | | | |
|---------------------------------|------------------------|-----------|
| 1. En Zahid Ismail | Timb Ketua Pengarah II | Pengerusi |
| 2. YBhg. Datin Zainon Bakar | Pengarah, OED | Ahli |
| 3. Datin Roseleena Hashim | Timbalan Pengarah | Ahli |
| 4. Pn. Nurul Fatimah Mohd Azlan | Penolong Pengurus PCT | Urusetia |

Bil	Perkara/Perbincangan	Maklumbalas	Tindakan (PIC)
1.0	Kata-kata Aluan i. Pengerusi mengalu - alukan kedatangan dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir		
2.0	Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 9/2020 Mesyuarat mengesahkan minit mesyuarat Bil 9/2020 tanpa sebarang pindaan.		
3.0	Maklumbalas Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga MPC Bil 9/2020 Mesyuarat mengesahkan maklumbalas mesyuarat Bil 9/2020 tanpa sebarang pindaan.		
4.0	<i>Mempertimbangkan kertas tawaran sebut harga:</i>		
	<i>Mempertimbangkan kertas tawaran sebut harga:</i> <u>Kertas (SH) A-15</u> Program Model Syarikat Industri 4.0 Bagi Usahawan Bumiputera Pulau Pinang	Mesyuarat meluluskan penyebutharga 1/3 (Powernode Solution Sdn Bhd) sebagai pembekal bagi perkhidmatan ini dengan nilai sebanyak RM 80,000.00 (termasuk 6% SST).	<i>PIC : Ahmad Fathan Abdul Rahim/NRO/MPC,</i>
5.0	Hal-hal lain		
	a) Program Pengurusan Pengendalian Khidmat Nasihat Perniagaan Secara Maya (Nazahiah Mohammad) Mesyuarat mengambil maklum mengenai permohonan untuk mengadakan program Pengurusan Pengendalian Khidmat Nasihat Perniagaan Secara Maya dengan Keseluruhan anggaran yang terlibat adalah sebanyak RM90,000.00 dan pecahan kos adalah seperti berikut:		

- Anggaran peserta : 30 orang
- Yuran Latihan : RM 3,000 x 30 pax = RM 90,000
(Latihan dan Bimbingan dan Khidmat Nasihat)

- Walaubagaimanapun, permohonan ini masih belum mendapat kelulusan peruntukan Mesyuarat Pengurusan MPC (BOM).
- Sehubungan dengan itu, selaras dengan PK 7.3 (perkara 3.8), Pengerusi bersetuju untuk meluluskan permohonan ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan Mesyuarat Pengurusan MPC (BOM). Pegawai diminta untuk memberikan maklum balas kelulusan BOM sebelum Mesyuarat Rundingan Harga bersama pembekal dibuat.

b) Perolehan Secara Rundingan Terus Bagi Bayaran Yuran Penyertaan Syarikat Dalam Plugfest 2.0 Ai-Based Machine Vision System (Aiman Zakwan Zahari)


- Mesyuarat mengambil maklum mengenai kelulusan BOM Bil 432/2020 dan juga Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK7.3), Penyertaan Latihan Yang Dianjurkan Oleh Agensi Kerajaan atau Syarikat Swasta (Pindaan Pada 15 Julai 2019).
- Mesyuarat juga meluluskan Penang Skills Development Centre (PSDC) yang juga merupakan agensi kerajaan utama yang menyediakan program latihan dalam Industri4.0. PSDC sedang menganjurkan PLUGFEST 2.0 ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) BASED MACHINE VISION SYSTEM, iaitu suatu program latihan yang bertujuan untuk mendidik dan memperkasa bakat dalam industri E&E, menyediakan ekosistem untuk pemain industri mengguna pakai teknologi AI dan menjalankan projek masing-masing di syarikat mereka menggunakan teknologi AI Based Machine Vision System.
- Jumlah kos keseluruhan program adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah RM
1.	Bayaran yuran penyertaan 13 syarikat dari 24 hingga 28 Ogos 2020 (Batch pertama)	82,680
2.	Bayaran yuran penyertaan 12 syarikat dari 19 hingga 27 Oktober 2020 (Batch kedua)	76,320
	Jumlah keseluruhan kos:	159,000

- Selaras dengan PK 7.3 (perkara 3.8), Mesyuarat memohon supaya Mesyuarat Rundingan Harga dibuat dan harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah serta menguntungkan Kerajaan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

6.0	Penangguhan Mesyuarat	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.30 petang	Makluman
-----	-----------------------	---	----------

Disediakan oleh,




Nurul Fatimah Mohd Azlan

Urusetia

Jawatankuasa Sebut Harga MPC

Tarikh: 20/10/2020

Disemak oleh,




Mahadi Hasbullah

Urusetia

Jawatankuasa Sebut Harga MPC

Tarikh: 20/10/2020

Disahkan oleh,



Encik Zahid Enail

Pengerusi

Tarikh: 20/10/2020